

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN  
[ SIK ]**

**SOALAN :**

**YB Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sekiranya ada kajian berkaitan berlakunya pertindihan tugas antara agensi-agensi Kerajaan seperti SPAD dan JPJ, Maritim dan Polis Marin dan sebagainya yang mungkin menyebabkan pembaziran guna tenaga untuk tugas yang sama. Mohon Menteri menjelaskan serta menyenaraikan tugas-tugas agensi berkaitan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian ke atas pertindihan fungsi beberapa agensi telah dilaksanakan mulai tahun 2012 dengan meneliti aspek pelaksanaan fungsi operasi antara agensi berkenaan. Kajian tersebut turut meliputi fungsi dan peranan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Hasil kajian mendapati fungsi dan peranan SPAD dan JPJ adalah berbeza. Fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh SPAD adalah berdasarkan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715). Manakala fungsi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JPJ adalah berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Bagi memastikan tidak berlaku pertindihan fungsi antara kedua-dua agensi penguatkuasaan ini, tindakan penyelarasan dan pemantapan dilaksanakan secara berterusan untuk menambah baik pengurusan dan pelaksanaan Akta 715 dan Akta 333.

Di samping itu, Kerajaan telah menujuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) berdasarkan Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 (Akta 633) yang berkuatkuasa pada 15 Februari 2005. Pada Ogos 2011, Kerajaan memutuskan APMM sebagai agensi penguatkuasa maritim tunggal. Susulan itu, tindakan penyelarasan antara agensi

penguatkuasaan maritim lain telah dipertingkatkan secara berterusan, khususnya dalam aspek operasi bagi mengukuhkan lagi kedudukan APMM sebagai agensi penguatkuasaan maritim tunggal negara.

Sesungguhnya Kerajaan memberi perhatian serius ke atas isu pertindihan fungsi antara agensi-agensi Kerajaan. Oleh itu semakan semula fungsi agensi-agensi awam dilaksanakan secara berterusan.

Sekian. Terima kasih.